



KENYATAAN MEDIA

MOA PERLUASKAN INISIATIF MEDIUM E-DAGANG DALAM SEKTOR AGROMAKANAN

1. Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar berikutan penularan wabak COVID-19 di mana kelancaran rantaian makanan terganggu antaranya diperingkat pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.
2. Namun begitu, pihak Kementerian dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan telah memastikan bahawa makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi dan terkawal.
3. Kerajaan telah memastikan bekalan makanan bagi bahan makanan utama iaitu beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan terus berada pada tahap stabil dan mencukupi.
4. Pada masa yang sama, bagi memastikan permintaan terhadap produk-produk hasil pertanian berterusan dan boleh dipasarkan terus kepada pengguna, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan tindakan termasuk Pelaksanaan Pemasaran Dalam Talian (e-dagang) untuk memperluaskan pemasaran dalam talian bagi mewujudkan alternatif kepada kaedah konvensional (jualan di outlet/kedai) menggunakan platform *business to consumer* (B2C) yang mana kaedah pemasaran ini telah dilaksanakan oleh beberapa agensi di bawah Kementerian seperti AgroBazaar Online, Nekmatbiz dan lain-lain.
5. Kementerian memperluas dan memperkasa pemasaran hasil pertanian melalui platform-platform e-dagang untuk mempertingkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik seterusnya ke pasaran antarabangsa. Ini adalah selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri berhubung dengan penerimaan norma baharu oleh seluruh rakyat Malaysia dan proses pendigital masyarakat oleh Kerajaan.
6. Kementerian juga memainkan peranan proaktif dengan menjalinkan hubungan dan kerjasama yang lebih erat dengan pemain industri. Inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memadankan pengeluar/pengusaha hasil pertanian di bawah jabatan/agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian (DOA) dengan pengusaha platform *e-marketplace* sedia ada seperti Shopee, Lazada, MyGrocer dan Food Market HUB.
7. Pada hari ini, saya telah melakukan lawatan ke pusat operasi kerjasama dengan Shopee Malaysia yang telah mendigitalkan rantaian pemasaran hasil pertanian dan perikanan. Kerjasama eksklusif dengan Shopee melalui FAMA, NEKMAT dan LKIM

telah membawa produk segar secara dalam talian AgroBazaar Online dan Nekmatbiz dalam platform berkenaan.

8. Sejak kerjasama ini dilaksanakan pada bulan lepas telah merekodkan sebanyak 2,000 tempahan di Lembah Klang sahaja. Inisiatif ini akan diperluaskan ke seluruh negara yakni mampu memberikan impak positif kepada hampir 1,500 petani, 100 usahawan FAMA dan 56,000 nelayan. Kerjasama ini telah beroperasi dengan cemerlang dan akan diperkembangkan supaya lebih banyak negeri yang akan menerima manfaat daripada kerjasama ini.
9. Selain menggunakan platform B2C, Kementerian juga sedang giat melaksanakan inisiatif jualan e-dagang menggunakan platform *business to business* (B2B) yang mana telah dimulakan dengan beberapa syarikat yang berpengalaman dalam mengendalikan perniagaan e-dagang yang dapat membantu memasarkan hasil pertanian kumpulan sasaran secara pukal terus kepada pengedar mahupun pemborong. Kerjasama ini dijangka mewujudkan eko-sistem baharu dalam pasaran pertanian di Malaysia yang boleh menjangkau cara kerja konvensional dan mampu meningkatkan pasaran dalam rangkaian e-dagang secara keseluruhan.
10. Adaptasi kelebihan sistem e-dagang ini boleh memberi informasi terus kepada pembeli membuat pilihan yang bijak dalam mendapatkan hasil segar dari ladang. Sehubungan itu, ia turut membuka pasaran dan peluang baharu kepada petani dalam menjual hasil pertanian secara atas talian kepada pembeli, pengedar, pasar segar dan kedai makan, secara amnya. Petani juga boleh memilih untuk mendapatkan harga yang lebih baik dari pelbagai pilihan pengguna yang ada.
11. Pada masa yang sama, Kementerian juga turut membantu dalam pemasaran, pembangunan teknikal dan pendidikan e-dagang kepada kumpulan sasaran yang berdaftar dengan program ini menyedari cabaran bahawa bukan mudah bagi para petani dan nelayan untuk membiasakan diri dengan ilmu teknologi e-dagang. Justeru itu, Kementerian melalui agensi-agensi tertentu akan terus membantu lebih ramai petani dan nelayan mempelajari kaedah penjualan secara dalam talian. Kerjasama strategik B2B dengan beberapa syarikat e-dagang juga akan dilancarkan dalam masa terdekat.
12. Inisiatif-inisiatif Kementerian ini adalah bertepatan dalam menjamin tahap sekuriti makanan sentiasa berada dalam keadaan stabil dari aspek ketersediaan (*availability*), mudah diakses (*accessibility*), selamat, berkualiti dan berkhasiat (*utilization*) dan mampu diperolehi (*affordability*) oleh rakyat sepanjang masa, dalam apa jua keadaan pada masa hadapan secara stabil (*stability*).

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri Makanan
21 Mei 2020